

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)74

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

74. Apakah perancangan kerajaan untuk merencanakan lagi ekonomi negeri?
- (a) Berapakah pelaburan dalam sektor High Growth High Value dan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah diterima oleh Pulau Pinang dalam lima tahun kebelakangan ini?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperjuangkan dan memohon semula untuk Zon Kewangan Khas (SFZ)?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

74. Sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Negeri Pulau Pinang merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan nilai eksport E&E Negara Malaysia iaitu sebanyak 58% pada tahun 2023. Pelan dan strategi jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membangun sektor ini adalah dengan memberi fokus dan tumpuan kepada tiga (3) aktiviti utama di bawah Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) iaitu *IC Design*, *advanced packaging* dan

manufacturing equipment. Berikut adalah maklumat lanjut mengenai tiga (3) sektor utama ini iaitu:

- (i) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif transformasi baharu iaitu *Penang Silicon Design @5km+* melalui Pembangunan Industri Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC Design) di Pulau Pinang. Inisiatif ini merangkumi tiga (3) komponen iaitu Taman Reka Bentuk IC & Digital Pulau Pinang, Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang dan Ruang Penyelidikan & Inkubasi Silikon. Bagi menarik dan menyokong lebih banyak pemain reka bentuk litar bersepadu (IC) yang ingin menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat bakal menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setahun selama tiga (3) tahun yang terbuka untuk syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia;
- (ii) Tumpuan utama terus diberikan kepada aktiviti berkaitan *Front-End Semiconductor* seperti *advanced packaging* dalam pelan hala tuju yang selari dengan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS). Pelan ini telah pun direalisasikan melalui empat (4) projek pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang yang

mempunyai kepakaran dalam aktiviti *advanced packaging* seperti TF-AMD, ASE, Intel dan SPIL. Kehadiran keempat-empat syarikat ini telah membantu memperkukuhkan lagi aktiviti ekosistem *advanced packaging* Negeri Pulau Pinang yang semakin berkembang; dan

- (iii) Projek pelaburan syarikat Lam Research iaitu pembekal global peralatan dan perkhidmatan fabrikasi wafer untuk *front-end semiconductor industry*, Ultra Clean Holdings (UCT) iaitu sebuah syarikat yang membangunkan dan membekalkan subsistem dan komponen kritikal kepada Lam Research dan juga beberapa syarikat pembekal tempatan akan menjadikan Negeri Pulau Pinang hab terkemuka bagi pembuatan *front-end equipment*.

- (a) Pihak Invest Penang tidak mempunyai data terperinci mengenai jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Pulau Pinang dalam sektor *High Growth High* dan R&D. Walau bagaimanapun, dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2018 hingga 2023, Negeri Pulau Pinang telah memperolehi lebih daripada RM184.3 bilion pelaburan di sektor pembuatan dan RM19.1 bilion pelaburan di sektor perkhidmatan. Lebih daripada 92% jumlah pelaburan di sektor

pembuatan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini disumbang oleh pelaburan asing (FDI). Pelaburan tersebut tertumpu pada sektor E&E, semikonduktor, peranti perubatan, peralatan dan jentera yang dikategorikan oleh MIDA sebagai bidang yang bernilai tinggi dan mempunyai pertumbuhan yang tinggi (High Growth High Value). Kebanyakan daripada pelabur akan mengadakan aktiviti R&D di fasa seterusnya selepas menstabilkan pengeluaran di Negeri Pulau Pinang. Antara 10 pelaburan berimpak tinggi dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini adalah termasuk Intel, Bosch Semiconductor, Micron, Simmtech, Smith & Nephew, ASE Group, EMC, Dexcom, SPIL dan TTM Technologies.

Bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan, jumlah pelaburan daripada tempoh lima tahun yang lepas di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Nilai Pelaburan Pembuatan yang diluluskan (RM bilion)	Jumlah Nilai Pelaburan Perkhidmatan yang diluluskan (RM bilion)
2019	16.9	12.1
2020	14.1	0.5
2021	76.2	4.6
2022	13.7	0.3
2023	63.4	1.6

Sumber: MIDA

Nota: Data untuk keseluruhan tahun 2024 akan diterbitkan sekitar bulan Mac 2025.

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Penang Institute sedang melaksanakan kajian berhubung Zon Kewangan Khas di Pulau Pinang seperti *Forest City* di Johor Bharu. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan seterusnya setelah hasil kajian tersebut diperhalusi dari pelbagai sudut.